

MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	26 Sep 2013	Readership	1,521,000
Circulation	192,982	Color	Full Color
Section	Supplement	ArticleSize	299 cm ²
Page No	V3	PR Value	RM 30,368
AdValue	RM 10,123		



Warga **UUM** hayati semangat kemerdekaan, Hari Malaysia

Sintok: Anak Allahyarham Asisten Superintendan Zulkifli Mamat, Noor Aqmar Amiruddin, 5, diberi penghormatan menyertai perbarisan Majlis Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia Peringkat Universiti Utara Malaysia (UUM), baru-baru ini.

Majlis yang berlangsung di Stadium UUM dibanjiri hampir 5,000 warga universiti berkenaan, kontingen Dewan Penginapan Pelajar (DPP) TM menampilkan kanak-kanak itu dalam perbarisan bagi memperingati jasa Allahyarham yang terkorban ketika mempertahankan kedaulatan tanah air daripada pencerobohan pengganas di Lahad Datu, Sabah, Mac lalu.

Program itu secara keseluruhan diwarnai perarakan masuk perbarisan oleh staf dan mahasiswa dari 16 DPP UUM serta anggota Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALA-

PES) sebagai tanda penghargaan serta penghormatan kepada pejuang negara.

Mampu bersatu demi negara

Pro-Canselor UUM, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh, ketika berucap merasmikan majlis itu menyifatkan kemeriahan dan semangat ditunjukkan pada sambutan berkenaan sebagai bukti generasi kini mampu bersatu serta berganding bahu demi kemajuan dan keamanan Malaysia.

“Syabas saya ucapkan. Kalau begini semangatnya, maka tidak sia-sialah kita menaruh harapan kepada saudara-saudari yang merupakan generasi keempat ini untuk mengharumkan nama negara,” katanya.

Beliau berkata, sambutan itu yang diadakan setiap tahun berjaya mencapai matlamat untuk memupuk perpaduan, menerapkan semangat patriotisme dan menghindari perasaan syak wasangka serta perpecahan

dalam kalangan masyarakat.

Persembahan berkonsep kenegaraan

Dalam pada itu, majlis turut diserikan dengan persembahan berkonsep kenegaraan oleh PALAPES, pasukan seni mempertahankan diri UUM seperti silat, tae kwon do dan karate, pertunjukan bunga api, paraglider serta nyanyian oleh artis Aris Ariwatan.

Selain itu, UUM menyampai Anugerah Tokoh Merdeka UUM 2013 kepada sejarawan tempatan, Ibrahim Ali, manakala DPP PETRONAS pula menerima Anugerah Kostum Era Terbaik dan Anugerah Pakaian Terbaik, sekali gus mengondol Anugerah Kontingen Terbaik Keseluruhan.

Anugerah lain disampaikan termasuk Kereta Berhias Terbaik yang dimenangi DPP Tradewinds, Pasukan Sorak Terbaik (DPP PROTON) dan Perbarisan Terbaik (DPP TM).



Dr Abdul Hamid (kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada warga UUM yang berpakaian tradisional meraikan Majlis Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia.



Warga UUM gembira menjayakan Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia peringkat UUM.